

## Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

---

**From:** UUM CORPORATE COMM.  
**Sent:** Monday, February 3, 2020 8:02 AM  
**To:** UUM - All Staff; UUM - All Students  
**Subject:** KDYMM Sultan Kedah Berangkat Hadir Ke Kejohanan Golf Piala Datuk Bandar MBAS



UUM Corporate Comm.  
**Universiti Utara Malaysia**

3 FEBRUARI 2020 / 9 JAMADILAKHIR 1441H  
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"  
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee  
Gambar oleh: Muhammad Shamsul Shafie

### KDYMM SULTAN KEDAH BERANGKAT HADIR KE KEJOHANAN GOLF PIALA DATUK BANDAR MBAS



**UUM ONLINE:** Sempena Ulang Tahun Pengisytiharan MBAS sebagai Majlis Bandaraya, Majlis Bandaraya Alor Setar (MBAS) telah menganjurkan Kejohanan Golf Piala Datuk Bandar MBAS pada 31 Januari dan 1 Februari di Kelab Golf dan Rekreasi UUM.

Meraikan ulang tahun MBAS sebagai bandar raya bagi tahun ke-16, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al Aminul Karim Sultan Sallehuddin Ibni Almarhum Sultan Badlishah, Sultan Kedah telah sudi mencemar duli berangkat hadir ke Kejohanan Golf Piala Datuk Bandar MBAS.

Keberangkatan Tuanku Sultan bukan sahaja menyerikan kejohanan yang turut disertai 275 peserta, malah Tuanku turut sudi mencemar duli melawat kandang rusa dan memberi makan kepada haiwan ternakan UUM itu.

Naib Canselor, Prof. Dato' Dr. Ahmad Bashawir Abdul Ghani berkata, julung kali UUM menjadi tuan rumah bagi Kejohanan Golf Piala Datuk Bandar MBAS pada tahun ini dan secara tidak langsung dapat membantu mempromosikan padang golf UUM kepada orang ramai.

Tambahnya, beliau juga menjunjung kasih kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan kerana sudi berangkat melawat kandang rusa milik universiti dan bermain golf.

Pada masa sama, Naib Canselor melahirkan rasa gembira dengan penyertaan dif kenamaan seperti Ahli Parlimen Kulim-Bandar Baharu, Dato' Seri Saifuddin Nasution Ismail merangkap Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna; Ahli Parlimen Kubang Pasu yang juga Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Ir. Amiruddin Hamzah dan Setiausaha Kerajaan Negeri Perak.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.